

04 MAR 2003

Mahathir-Musa

MUSA AMAN BAKAL KETUA MENTERI SABAH

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman akan menggantikan Datuk Chong Kah Kiat sebagai Ketua Menteri Sabah apabila tempoh perkhidmatan Chong tamat 27 Mac ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perkara itu sudah dimaklumkan kepada Yang Dipertua Negeri Sabah Datuk Ahmadshah Abdullah.

Dr Mahathir mengumumkan perkara itu kepada pemberita sebelum berlepas ke Doha, Qatar untuk menghadiri mesyuarat tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia, Subang di sini.

Chong dan Musa, yang juga Menteri Kewangan Sabah, ialah antara kenamaan yang hadir di lapangan terbang itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Chong memberitahu pemberita kemudian bahawa selepas mesyuarat kabinet Sabah esok, beliau akan menyerahkan tugasnya kepada Musa yang akan memangku jawatan ketua menteri sehingga mengangkat sumpah pada 28 Mac.

Pelantikan Musa adalah di bawah sistem penggiliran Ketua Menteri yang diamalkan Sabah selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 17 Mac 1994.

Pemimpin Umno memulakan sistem penggiliran itu dengan pelantikan Tan Sri Sakaran Dandai (sekarang Tun) yang memegang jawatan itu sehingga Disember 1994 apabila beliau digantikan oleh Datuk Salleh Tun Said ekoran pelantikan Sakaran sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah.

Salleh digantikan oleh Datuk Yong Teck Lee yang mewakili kaum Cina dan kemudian apabila tiba giliran masyarakat Bumiputera bukan Islam, mereka diwakili oleh Tan Sri Bernard Dompok.

Dompok bagaimanapun tewas pada pilihan raya 1999 dan sistem itu digilirkan semula kepada Bumiputera Islam melalui pelantikan Datuk Osu Sukam. Osu digantikan oleh Ketua Menteri sekarang Datuk Chong Kah Kiat yang mewakili kaum Cina.

Sistem itu bagaimanapun mengalami sedikit pengubahsuaian ketika Chong menjadi Ketua Menteri apabila Umno diputuskan mendapat dua kali giliran berbanding sekali bagi kaum-kaum lain.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Musa, Chong berkata pilihan Perdana Menteri itu adalah amat sesuai, tepat dan logik kerana Musa adalah ketua badan perhubungan Umno, sebuah parti politik yang penting bukan sahaja di Sabah tetapi di peringkat negara.

Katanya beliau mengenali Musa sejak kira-kira 15 tahun lepas bukan hanya sebagai seorang ahli politik tetapi juga sebagai ahli korporat.

"Saya mempunyai penuh kepercayaan kepadanya. Beliau mempunyai pengalaman luas bukan sahaja dalam pentadbiran kerajaan negeri tetapi juga dalam sektor korporat," katanya.

Chong yakin Musa boleh bekerjasama baik dengan semua pemimpin untuk melaksanakan tugasnya dengan cemerlang.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, para menteri kabinet dan lain-lain pemimpin masyarakat yang telah memberikan kerjasama baik kepadanya sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Musa yang turut sama bertemu pemberita, berkata beliau akan meneruskan dasar yang dilaksanakan oleh Chong untuk membangunkan Sabah dan tidak mempunyai masalah berhubung perkara itu kerana kerjasama antara mereka berdua begitu rapat.

Musa juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri atas kepercayaan serta sokongan yang diberikan dan berjanji akan berusaha sebaik mungkin melaksanakan tugasnya memajukan Sabah.

-- BERNAMA

AZH MUN KHY RON